PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Subjek	:	**KEPERLUAN BARU PENGEKSPORTAN MAKANAN**
Topik	:	**PEMAKLUMAN KEPERLUAN PERMOHONAN PENYENARAIAN PREMIS PEMPROSESAN DAN *TRADER* UNTUK PENGEKSPORTAN IKAN DAN HASIL IKAN KE TÜRKIYE**
Tanggungjawab	:	**PENGEKSPORT**

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Premis pemprosesan perlu mempunyai Pensijilan HACCP dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk semua produk ikan dan keluaran ikan yang akan dieksport ke Republik Türkiye.

2. Sumber bahan mentah ikan yang digunakan bagi pemprosesan produk ikan dan keluaran ikan bagi tujuan pengeksportan ke Republik Türkiye perlu memenuhi syarat di bawah:

Sumber Bahan Mentah	Syarat
Akuakultur	• Ladang akuakultur perlu berdaftar dan mempunyai Pensijilan myGAP daripada Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)
Tangkapan Laut	• *Fishing vessel* perlu mempunyai lesen yang sah tempoh dengan DOF • Tangkapan laut perlu mempunyai dokumen *Catch Certificate* dan *Landing of Vessel* yang disahkan oleh DOF • Jeti pendaratan ikan perlu berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
Import	• Bahan mentah import perlu diperolehi daripada premis pemprosesan yang diluluskan oleh EU • Bahan mentah import perlu mempunyai *Letter of Guarantee,* menyatakan bahan mentah tersebut diproses mengikut keperluan EU • Bahan mentah import mempunyai Sijil HACCP sah tempoh yang diperolehi daripada pembekal • Bahan mentah import mendapat kelulusan daripada pihak KKM melalui sistem FoSIM sebelum ianya digunakan untuk tujuan pemprosesan

3. *Trader* perlu berdaftar dalam sistem FoSIM dan mengeksport produk ikan dan keluaran ikan ke Republik Türkiye daripada premis pemprosesan yang telah diluluskan bagi tujuan eksport ke negara berkenaan.

MEKANISMA PERMOHONAN:

1. Permohonan penyenaraian premis pemprosesan dan *trader* perlu dibuat melalui sistem FoSIM mulai **14 April 2025**.

2. Bagi penyenaraian premis pemprosesan, permohonan perlu dibuat di bawah modul Eksport > Penyenaraian Premis Pemprosesan > Ikan dan Keluaran Ikan (Non EU) > Türkiye

3. Bagi penyenaraian *trader*, permohonan perlu dibuat di bawah modul Eksport > Penyenaraian Ikan dan Keluaran Ikan (Non EU) > Trader

4. Bagi permohonan kelulusan sumber bahan mentah import, permohonan perlu dibuat di bawah modul Eksport > Penyenaraian Ikan dan Keluaran kan (EU) > Kelulusan Bahan Mentah Import

NOTA:

1. Premis pemprosesan dan *trader* hanya boleh mengeksport ikan dan keluaran ikan ke Republik Türkiye setelah mendapat kelulusan pengeksportan daripada pihak Republik Türkiye dan Program ini.

2. Semua permohonan perlu mengemukakan dokumen sokongan yang diperlukan mengikut syarat-syarat permohonan di atas dan akan hanya diproses apabila maklumat lengkap diperolehi.

Disediakan oleh	:	Cawangan Eksport Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (27 Mac 2025)